

27 MAR 1997

Sabbaruddin-Singapura

MALAYSIA TIDAK MUSUHI RAKYAT SINGAPURA, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Malaysia tidak memusuhi rakyat Singapura cuma yang tidak disenangi ialah sikap para pemimpin republik itu, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik hari ini.

"Saya fikir hubungan dan persahabatan kita dengan rakyat Singapura baik. Kita cuma tak suka sikap pemimpinnya, orang Singapura tak ada hal," katanya kepada pemberita di sini ketika ditanya sama ada keputusan kabinet semalam membeku sebarang urusan dua hala baru dengan republik itu akan menjejaskan kedatangan pelancong Singapura ke Malaysia.

Terdahulu beliau merasmikan pameran "Kecurangan - Durjana Dalam Kemuliaan Kekeluargaan" di Muzium Negara.

Ditanya mengenai hubungan antara kedua-dua negara sekarang, Sabbaruddin yang juga Setiausaha Agung Umno berkata: "Kita mahu Singapura faham bahawa kita tak boleh ikut perangai macam budak-budak. Jangan dah mengata orang, kata sorry. Mereka patut sedar bahawa kitapun ada hati perut juga. Itu yang penting."

Beliau berkata tindak tanduk para pemimpin Singapura tidak langsung mempamerkan kejujuran kerana mereka hairan kenapa usaha memulihkan hubungan akan memakan masa.

"Kita mahu beritahu mereka bahawa kita tidak boleh diperlakukan macam budak-budak, itulah sebabnya Kabinet mengambil keputusan semalam. Perangai yang tak elok macam ini janganlah diulangi lagi kerana yang penting kita nak tunjuk kepada Singapura kita tak mahu lagi dengar komen-komen yang tak baik," katanya.

Sabbaruddin berkata keputusan Kabinet itu meliputi penangguhan aktiviti seperti dalam bidang sukan.

"Kalau ada sukan dengan mereka, tak ada sukan. Maknanya seperti kita tangguh pertandingan antara kementerian," katanya.

Beliau juga berkata mesyuarat antara pegawai-pegawai Singapura dan Malaysia yang ada kaitan dengan pelancongan akan turut ditangguh hingga ke satu tempoh.

"Sehubungan itu mesyuarat jawatankuasa pengerusi bersama Singapura-Malaysia mengenai pelancongan yang biasanya diadakan sekali sekala mengikut keperluan, akan ditangguh selagi tak ada keputusan lain," katanya.

Kepada soalan sama ada tindakan kerajaan itu turut menjejaskan perdagangan antara kedua-dua negara, Sabbaruddin menjawab: "Dari segi perbincangan kita, soal berniaga tak timbul. Tidak ada larangan dan tidak ada sekatan."

Beliau berkata Malaysia tidak ada sebarang masalah dalam perkara ini kerana "kita tak bergaduh dengan peniaga Singapura, kita cuma tak suka sikap pemimpin mereka, itu saja."

Ditanya sama ada keputusan Kabinet itu sudah disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata: "Itu saya tak tahu, kalau nak sampaikanpun itu adalah tugas Datuk Seri Anwar Ibrahim."

Beliau berkata semua menteri sebulat suara menyetujui keputusan itu kerana masing-masing jelas sekali tidak senang dengan sikap pemimpin Singapura ekoran kenyataan Menteri Kanannya Lee Kuan Yew yang memburuk-burukkan Johor.

Sabbaruddin bagaimanapun berkata isu dengan Singapura sekarang tidak perlu lagi dibincangkan oleh Majlis Tertinggi Umno. "Saya tak nampak penting sekarang ini untuk bawa ke MT. Tapi kalau ada arahan, sudah tentu." -- BERNAMA

ZAB MAI